majlis perbandaran ALOR GAJAH

لاڤورن تاهونن

# LAPORAN TAHUNAN

# 2019

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

# SIDANG PENGARANG


***PENASIHAT***
YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah

***KETUA PENYELARAS***
YBhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom
Setiausaha, Majlis Perbandaran Alor Gajah

***SIDANG EDITOR***
Encik Zainul Adnan bin Mohd Said
Puan Hjh. Fatimah binti Othman
Puan Hjh. Marina binti Rasol
Tpr. Nurul Adawaty binti Hj. Ismail
Puan Radzyma binti Mahat
Sr Rosnani binti Ibrahim
Tuan Hj. Mohd Bukhari bin Baharudin
Tuan Hj. Sugiman bin Johari
Encik Azizan bin Sulong
Encik Abdul Rahman bin Nordin
Puan Norazira binti Abd Aziz
Encik Mohd Fuad bin Musrik
LAr. Kamarudin bin Mustapa
Encik Mohd Faizal bin Mohd Zin
Encik Mohd Faidz bin Leman
Puan Nurhaslina binti Bahari

***KETUA EDITOR***
Puan Rahayu binti Rahmat

***EDITOR***
Encik Syueeb bin Zahari

***PEREKA GRAFIK / JURUFOTO***
Encik Mohd Asri bin Ab Aziz
Encik Patrick Tan Peng Sin



***DITERBITKAN OLEH***
**UNIT PERANCANGAN KORPORAT**
Majlis Perbandaran Alor Gajah,
Jalan Dato' Dol Said,
78000 Alor Gajah, Melaka,
Malaysia.



**No. ONCC** : +606 - 333 3333
**No. Faks** : +606 - 556 4909
**Web Rasmi** : www.mpag.gov.my
**E-mel Rasmi** : mpag@mpag.gov.my


# Kandungan


PENGENALAN

VISI | MISI | TERAS STRATEGI | SLOGAN | BUNGA/POKOK RASMI

PIAGAM PELANGGAN

KAWASAN PENTADBIRAN MPAG

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

AHLI - AHLI MAJLIS

CARTA ORGANISASI

PELANCONGAN DAERAH ALOR GAJAH

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

JABATAN KEWANGAN

JABATAN PERANCANGAN BANDAR

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

JABATAN KEJURUTERAAN

JABATAN BANGUNAN

JABATAN PENGINDAHAN BANDAR

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

JABATAN PENGUATKUASAAN

JABATAN KHIDMAT MASYARAKAT

UNIT PERANCANGAN KORPORAT

UNIT UNDANG - UNDANG

UNIT KUTIPAN TUNGGAKAN

UNIT AUDIT DALAM

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

AKTIVITI MPAG

MEDIA

# PENGENALAN

Alor Gajah terletak 19 kilometer dari bandaraya Melaka. Antara Tahun 1832 hingga 1937, sebelum jatuh ke tangan Melaka, bandar ini dahulunya terletak di dalam daerah Tampin, Negeri Sembilan. Nama "Alor Gajah", berasal daripada tabiat sekumpulan gajah liar dan kononnya diketuai oleh seekor gajah putih yang sangat gemar berjalan secara berkumpulan menuruti alur sebatang sungai. Sejak dari peristiwa tersebut penduduk tempatan menamakan bandar ini Alor Gajah dan kekal hingga ke hari ini.

Menurut catatan sejarah dan sumber dari Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), bandar ini mula diterokai oleh orang-orang Minangkabau pada kurun ke-12. Penghijrahan beramai-ramai penduduk Minangkabau dari daerah Tampin semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka menyebabkan wujudnya penempatan penduduk. Sejak itu kawasan ini menjadi kawasan penempatan yang pesat dengan penduduknya bekerja sebagai petani. Semasa pemerintahan Datuk Naning Dol Said, aktiviti perdagangan telah mula berkembang dengan pembukaan kedai-kedai di bandar ini. Semasa Inggeris menjajah Melaka, bandar ini turut diperintah oleh Inggeris dan memasukkan bandar Alor Gajah di dalam peta Melaka.

Daerah Alor Gajah yang luasnya 66,302 hektar mengandungi 3 buah bandar dan 11 buah pekan kecil. Bandar tersebut ialah Pulau Sebang, Alor Gajah dan Masjid Tanah yang dikelilingi pekan-pekan kecil iaitu Simpang Empat, Brisu, Lubok China, Pantai Belimbing, Lendu, Pengkalan Balak, Kuala Sungai Baru, Gadek, Parit Melana, Ramuan China Besar dan Durian tunggal.

Majlis Daerah Alor Gajah telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) mulai daripada 1 Julai 1978. Penyusunan semula ini meliputi seluruh daerah Alor Gajah. Seterusnya Majlis Daerah Alor Gajah telah dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah pada 1 Mei 2003. Majlis Perbandaran Alor Gajah kini adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang menyediakan perkhidmatan perbandaran serta membangunkan kemudahan infrastruktur dan sosial bagi penduduk di daerah Alor Gajah.

Pembangunan kawasan pentadbirannya telah maju serentak dengan pembangunan keseluruhan negeri Melaka dengan penekanan utama dari sektor-sektor perindustrian, pelancongan dan pertanian. Kewujudan insfrastruktur turut mempercepatkan aliran masuk para pelabur tempatan dan para pelabur asing untuk menanam modal dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Adalah menjadi harapan Majlis Perbandaran Alor Gajah untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada masyarakat di bawah kawasan tadbirnya. Justeru itu, Majlis Perbandaran Alor Gajah akan memaksimakan segala usaha-usaha untuk membangunkan daerah bagi mencapai kemajuan dan kemakmuran.





*Gambar bersama Tunku Abdul Rahman di hadapan Sekolah Rendah Melayu Simpang Empat, Alor Gajah pada tahun 1953.*



# VISI

Menjadikan Alor Gajah Perbandaran Mampan Ke Arah Teknologi Hijau Menjelang 2020

# MISI

Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran yang Cekap dan Berkualiti serta Berteknologi Hijau kepada Warga Alor Gajah

## OBJEKTIF STRATEGI

> Memperkasa tadbir urus dan meningkatkan keupayaan organisasi untuk kecemerlangan perkhidmatan.
> Memperkasa perkhidmatan perbandaran untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
> Pembangunan sosioekonomi yang dinamik untuk kemakmuran komuniti.
> Memperkasakan pengurusan pembangunan untuk kesejahteraan komuniti.

## SLOGAN

ALOR GAJAH **DINAMIK, PROGRESIF, HOLISTIK**



## BUNGA RASMI

Nama Saintifik : Bougainvillea Spesies
Nama Biasa : Bunga Kertas



## POKOK RASMI

Nama Saintifik : Tabebuia
Nama Biasa : Tekoma

# PIAGAM PELANGGAN

| BIL. | PERKHIDMATAN | TEMPOH |
|---|---|---|
| 1. | Memproses dan membuat keputusan permohonan pelan tambahan dan ubah suai rumah teres | 14 hari |
| 2. | Memproses dan membuat keputusan permohonan pelan tambahan kediaman dan bukan kediaman | 14 hari |
| 3. | Memproses dan membuat keputusan permohonan pelan bangunan sesebuah | 14 hari |
| 4. | Memproses dan membuat keputusan permohonan pelan bangunan perumahan / bangunan selain kediaman melalui Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) | 37 hari |
| 5. | Memproses dan membuat keputusan pelan bangunan industri / bengkel | 37 hari |
| 6. | Memproses dan membuat keputusan permohonan Permit Sementara Bangunan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) | 37 hari |
| 7. | Memberi ulasan permohonan perancangan pembangunan seperti permohonan tanah kerajaan, permohonan rumah sesebuah, pecah sempadan dan pecah bahagian | 14 hari |
| 8. | Memproses dan membuat ulasan permohonan Kebenaran Merancang di peringkat Jawatankuasa Pusat Setempat | 14 hari |
| 9. | Memproses dan memberi ulasan permohonan Kebenaran Merancang di bawah subseksyen 124A dan 204D, Kanun Tanah Negara melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) | 57 hari |
| 10. | Memberi perkhidmatan pengeluaran bil cukai taksiran | 2 kali setahun<br>(15 Feb &15 Ogos setiap tahun) |
| 11. | Memproses permohonan pindah milik pegangan berkadar | 14 hari |
| 12. | Pengeluaran surat tawaran sewa selepas keputusan temuduga gerai | 21 hari |
| 13. | Memproses dan membuat keputusan permohonan lesen premis perniagaan | 14 hari |
| 14. | Memproses dan membuat keputusan permohonan lesen premis perniagaan tidak berisiko | 15 minit |
| 15. | Memproses dan membuat keputusan permohonan kelulusan pelan kejuruteraan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) | 57 hari |
| 16. | Memproses dan membuat keputusan permohonan kelulusan pelan landskap melalui Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) | 57 hari |
| 17. | Memproses bayaran | 14 hari |
| 18. | Memberi maklumbalas status aduan awam | 14 hari |
| 19. | Pemotongan rumput dibawah seliaan MPAG | 2 kali sebulan |

# KAWASAN PENTADBIRAN MPAG




**DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**P134 MASJID TANAH**

N.01 DUN KUALA LINGGI
N.02 DUN TANJUNG BIDARA
N.03 DUN AYER LIMAU
N.04 DUN LENDU
N.05 DUN TABOH NANING

**P135 ALOR GAJAH**

N.06 DUN REMBIA
N.07 DUN GADEK
N.08 DUN MACHAP JAYA
N.09 DUN DURIAN TUNGGAL

**Penduduk**
209, 257 orang

**Keluasan**
63, 584.47 ha

SEBAHAGIAN KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
SELUAS 34.91 KM PERSEGI / 3490.61 HA




**PEKAN KECIL DI DAERAH ALOR GAJAH**

*1) Simpang Empat*
*2) Brisu*
*3) Lubok China*
*4) Pantai Belimbing*
*5) Lendu*
*6) Pengkalan Balak*
*7) Kuala Sungai Baru*
*8) Gadek*
*9) Parit Melana*
*10) Ramuan China Besar*
*11) Durian Tunggal*

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA

*MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH*

**Assalammualaikum W.B.T**
**Salam melakaku maju jaya,**
**Rakyat bahagia,**
**Menggamit dunia.**

Alhamdullilah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya maka telah dipanjangkan umur untuk kita bersama-sama menempuh tahun 2019 dengan jayanya dan buku laporan tahunan 2019 Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berjaya diterbitkan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YBhg. Tuan Zamzuri bin Ariffin yang telah menerajui kepimpinan MPAG bagi tahun 2019 sehingga Mac 2020. Banyak rangkuman kejayaan dan pembangunan yang telah berjaya dikecapi sepanjang tempoh tersebut. Justeru itu, saya sebagai Yang Dipertua MPAG yang mula berkhidmat pada 1 April 2020 akan meneruskan legasi pentadbiran dan perancangan pembangunan kesejahteraan bandar agar MPAG menjadi *role-model* kepada pihak berkuasa tempatan yang lain.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang bertaraf perbandaran, MPAG giat dalam usaha memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada pembayar cukai di samping menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan serta menyediakan prasarana dan kemudahan awam untuk orang ramai. Berteraskan kepada pelan strategik MPAG 2016-2020, MPAG juga telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian melalui sistem penyampaian yang baik dan berkesan.

MPAG dalam merangka penyediaan rancangan tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (penggantian) pada tahun 2021. Matlamat utama kajian ini adalah menyediakan suatu pelan perancangan dan pembangunan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah yang komprehensif, inklusif dan mampan selaras dengan aspirasi negeri dalam membentuk wilayah bandar dan status negeri bandar yang berdaya tahan, hijau, sejahtera rakyat dan berindentiti.

Akhir kata, saya berharap bagi tahun 2020, warga kerja MPAG serta Ahli-Ahli Majlis akan melipat gandakan usaha bagi meningkatkan peranan masing-masing seiring dengan wawasan negeri Melaka dan negara. Sokongan pemimpin-pemimpin tempatan dan warga Alor Gajah amat diharapkan agar sama-sama mendokong segala perancangan yang telah dibuat agar terlaksana dengan jayanya. Insya allah.

Sekian, terima kasih.

**MOHD FADHIL BIN HASSAN**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah





AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH 2018-2021
Ahli Turut Hadir
ALOR GAJAH : DINAMIK, PROGRESIF, HOLISTIK

# CARTA ORGANISASI 2019

**YANG DIPERTUA**
Tuan Zamzuri bin Arifin
ydp@mpag.gov.my

**AHLI MAJLIS**

**SETIAUSAHA**
Zainul Adnan bin Mohd Said
su@mpag.gov.my

**UNIT OSC**
Norazira binti Abd Aziz
norazira@mpag.gov.my

**UNIT KUTIPAN TUNGGAKAN**
Radzyma binti Mahat
radzyma@mpag.gov.my

**UNIT AUDIT DALAM**
Mohammad Zaid bin Yusoff
zaid@mpag.gov.my

**UNIT PEROLEHAN**
Nurhaslina binti Bahari
haslina@mpag.gov.my

**UNIT INTEGRITI**
Noor Shafika binti Shaari
noorshafika@mpag.gov.my

**UNIT PERANCANGAN KORPORAT**
Rahayu binti Rahmat
rnmushroom@yahoo.com

**JABATAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN**
Fatimah binti Othman
fatimah@mpag.gov.my

**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**
Marina binti Rasol
marina@mpag.gov.my

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR**
Nurul Adawaty binti Hj. Ismail
nuruladawaty@mpag.gov.my

**JABATAN KEWANGAN**
Marlini binti Mohamed
marlini@mpag.gov.my

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**
Rosnani binti Ibrahim
rose_naniey2005@yahoo.com

**JABATAN KHIDMAT MASYARAKAT**
Mohd Bukhari bin Baharuddin
bukhari@mpag.gov.my

**JABATAN KEJURUTERAAN**
Sugiman bin Johari
sugiman@mpag.gov.my

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**
Azizan bin Sulong
azizan@mpag.gov.my

**JABATAN BANGUNAN**
Abdul Rahman bin Nordin
aratect212@gmail.com

**JABATAN PENGINDAHAN BANDAR**
Kamarudin bin Mustapa
kamarudin@mpag.gov.my

# ALOR GAJAH FUN MAP





Kota Belanda Fort Supai


River Cruise Paya Lebar


The OrchardWellness & Health Resort


Kolam Air Panas Cherana Putih


Hutan Rekriasi Sungai Udang


Kompleks Falak Al-Khawarizmi


A'Famosa Water World


Freeport A'Famosa Outlet


Kolam Air Panas Gadek


Masjid Lama Machap


Homestay Seri Tanjung


Muzium Taboh Naning


Pantai Pengkalan Balak


Pantai Tanjung Bidara


Pusat Penetasan Penyu Padang Kemunting


Medan Selera Pasar Menggong

# JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



**Fungsi**

Berperanan melaksanakan pengurusan sumber manusia, pembangunan modal insan, integrasi dan pengurusan prestasi. Jabatan ini juga bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelaras hal-hal berkaitan perolehan bekalan atau perkhidmatan dan aset MPAG selain menguruskan program kualiti melalui proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif.

## Perjawatan Tahun 2019

Maklumat anggota MPAG

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | TETAP | KONTRAK | LAIN-LAIN (PINJAMAN & PENEMPATAN PENTADBIRAN) | SAMBILAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | 22 | 5 | 2 | 0 | 29 |
| PELAKSANA (B) | 59 | 6 | 0 | 0 | 65 |
| PELAKSANA (C) | 116 | 39 | 0 | 1 | 156 |
| PELAKSANA (D) | 74 | 32 | 0 | 0 | 106 |
| **JUMLAH** | **271** | **82** | **2** | **1** | **356** |





| KAUM | JANTINA | | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|
| | LELAKI | WANITA | |
| MELAYU | 228 | 111 | 339 |
| CINA | 2 | 0 | 2 |
| INDIA | 11 | 4 | 15 |
| **JUMLAH** | **241** | **115** | **356** |

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### Pembangunan Sistem 2019

#### Sistem Kertas Kerja OSC

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan penyediaan kertas- kertas untuk dibentangkan didalam mesyuarat.

Sistem ini merangkumi Modul berikut :-

- Modul Pendaftaran
- Modul Senarai Permohonan
- Modul Kertas Perakuan
- Modul Keputusan
- Modul Pertanyaan
- Modul OSC 3.0
- Modul Laporan
- Modul Tetapan





## Sistem Pengurusan Harta

Bahagian Teknologi Maklumat telah membangunkan sistem e-Sewa dan pembayaran permohonan sewa melalui e-Bayar. Sistem ini memudahkan orang awam untuk membuat permohonan sewaan gerai dan kedai majlis secara online dan terus membuat bayaran permohonan menggantikan permohonan sebelum ini yang dilakukan secara manual. Pemohon juga boleh menyemak permohonan secara online dan akan menerima pemakluman secara SMS. Sistem ini telah digunakan sepenuhnya bermula Januari 2020.



## Sistem Big Data

Sistem ini dibangunkan bagi tujuan untuk pengemaskinian data MPAG. Sistem ini membantu untuk memudahkan staf mengumpul dan mengemaskini data MPAG yang menyumbang kepada hasil iaitu :

- Data percukaian
- Data perlesenan
- Data sewaan gerai
- Data bangunan

*Skrin Log Masuk*




*Skrin Kemasukan Data*




*Skrin Senarai Kemasukan Maklumat*



## Sistem Central Login Management (CLM)

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan staf MPAG akses sistem yang berkaitan dengan menggunakan satu (1) ID dan Katalaluan sahaja. Sistem ini merangkumi Modul berikut :-

- Modul Diari MPAG
- Modul Laporan Kehadiran
- Modul e-Payslip
- Modul e-SIT



## Penyelenggaraan ICT

Penyelenggaraan pencegahan dilaksanakan setiap 6 bulan iaitu 2 kali setahun. Penyelenggaraan pencegahan yang telah dilaksanakan pada tahun 2019:-

| PENGGAL | PC/NOTEBOOK | PRINTER |
|---|---|---|
| Pertama (Januari-Jun) | 198 Unit | 62 Unit |
| Kedua (Julai-Disember) | 204 Unit | 62 Unit |

## Pembangunan Infrastruktur

### Lokasi Wifi

- Lobi Pejabat Utama MPAG
- Terminal Sejahtera
- Masjid Tanah Sentral

### Lokasi CCTV

| Bil | Lokasi | Kuantiti Kamera |
|---|---|---|
| 1. | CCTV Dalaman MPAG | 37 Unit |
| 2. | CCTV Pejabat Cawangan Pulau Sebang | 3 Unit |
| 3. | CCTV Pejabat Cawangan Masjid Tanah/ Masjid Tanah Sentral | 5 Unit |
| 4. | CCTV Nurseri Ayer Pa'abas | 8 Unit |
| 5. | CCTV Daerah – Secara Sewaan Oleh Jabatan Kerajaan Tempatan | 20 Unit |
| 6. | CCTV – Mobotic 360° | 2 Unit |

# JABATAN KEWANGAN



## Fungsi

Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan sumber kewangan bagi memastikan MPAG mendapatkan hasil yang maksima dan menguruskan perbelanjaan secara optimum mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan peraturan-peraturan kewangan yang dikuatkuasakan. Jabatan Kewangan juga berperanan mewujudkan kawalan dalaman yang sistematik dan efisyen serta memastikan rekod-rekod kewangan diselenggara dengan betul dan cekap.

## Prestasi Kewangan Tahun 2019

| KETERANGAN | ANGGARAN (RM JUTA) | SEBENAR (RM JUTA) | PRESTASI (%) |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Hasil Cukai | 20.640 | 19.843 | 96.14 |
| Hasil Bukan Cukai | 10.359 | 9.129 | 88.13 |
| Terimaan Bukan Hasil | 5.070 | 6.127 | 120.85 |
| Hasil Tunggakan | 3.100 | 2.185 | 70.48 |
| **JUMLAH** | **39.169** | **37.284** | **95.19** |
| | | | |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | 14.234 | 14.121 | 99.21 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 21.162 | 21.036 | 99.40 |
| Aset | 0.739 | 0.735 | 99.46 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1.999 | 1.996 | 99.85 |
| Perbelanjaan Lain | 0.921 | 0.913 | 99.13 |
| Belanja Pembangunan | 0.100 | 0.098 | 98.00 |
| **JUMLAH** | **39.155** | **38.899** | **99.35** |
| | | | |

## Saluran Pembayaran Secara Dalam Talian

**Maybank2U**




**POS Online**




**Portal Rasmi eBayar Kerajaan Negeri Melaka**




## Pembukaan Kaunter Pembayaran Di Luar Pejabat MPAG

a) Selain kaunter bayaran di pejabat utama MPAG, Pejabat Cawangan MPAG di Masjid Tanah dan Pulau Sebang serta kaunter bayaran di UTC Jalan Hang Tuah Melaka, MPAG juga membuka kaunter bayaran di semua Program MPAG Bersama Masyarakat Mengikut Dun di daerah Alor Gajah.

b) Pihak Majlis juga telah membuka Kaunter Pandu Lalu di Pejabat Cawangan Masjid Tanah, Terminal Bas Masjid Tanah bagi memberi kemudahan kepada pelanggan di kawasan Masjid Tanah membuat bayaran cukai taksiran.





# JABATAN PERANCANGAN BANDAR



**Fungsi**

Jabatan Perancangan Bandar bertanggungjawab dalam aspek perancangan kawasan pentadbiran dengan mengawal penggunaan dan kemajuan tanah serta bangunan di samping menggalakkan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi menerusi peruntukan akta, kaedah-kaedah perancangan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

## Program Local Agenda 21

Program Tanam Pokok Sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2019 Peringkat Perbandaran Alor Gajah




Majlis Perasmian Program Local Agenda 21 -Sayangi Pantai Kita



Penanaman pokok yang turut disertai oleh peserta program.

Program International Coastal Clean Up Day di Pantai Padang Kemunting, Masjid Tanah. Program ini merupakan usaha antara Pihak Berkuasa Tempatan (MPAG) dan World Wildlife Fund (WWF).



Gimik Perasmian Program International Coastal Cleanup Day 2019.



Antara peserta dan orang awam yang turut hadir termasuk pelajar-pelajar IPTA bagi menjayakan program ini.

**Program Bandar Selamat**

Program Bandar Selamat (PBS) telah menggariskan 23 langkah pencegahan jenayah dengan sasaran utama untuk mencegah jenayah jalanan di bandar-bandar seluruh Malaysia.







## TEKNOLOGI HIJAU DAN INOVASI

Pusat Teknologi Hijau Dan Inovasi MPAG atau lebih dikenali sebagai Alor GajahGreennovation Centre (AGGC) telah mula beroperasi sejak 4 Julai 2019 di bangunan bersebelahan kafeteria perkarangan pejabat MPAG. Objektif utama mewujudkan pusat aktiviti ini adalah bagi menyeragamkan segala aktiviti teknologi hijau di dalam daerah Alor Gajah bagi memudahkan orang awam mendapat kemudahan dan manfaat secara berpusat. Pusat AGGC ini buka pada orang awam pada setiap hari Khamis jam 8.30 pagi hingga 12.20 tengahari.

Antara aktiviti yang telah diadakan adalah:

| Bil | Aktiviti | Catatan |
|---|---|---|
| 1. | Pengumpulan barangan kitar semula pejabat seperti kertas, plastik, kotak dan lain-lain. | Kerjasama SW Corp |
| 2. | Pengumpulan barangan ***Household E-Waste*** | Kerjasama Syarikat Meriahtek Sdn. Bhd |
| 3. | Pengumpulan minyak masak terpakai (***Biodiesel***) | Kerjasama PTHM |
| 4. | Pengumpulan sisa organik dan sisa tanaman kebun. | Kerjasama Pejabat Pertanian Alor Gajah |







Program Alor Gajah Car Free Zone di Dataran Keris Alor Gajah









## PROGRAM PELANCONGAN

Program Mobiliti Bersama Pelajar Universitas Gadjah Mada, Indonesia.



Pelajar- pelajar UGM melawat
Muzium Warisan dan Sejarah Naning



Pelajar - pelajar diberikan penerangan berkenaan sejarah Kerajaan Naning.




Pelajar - pelajar melawat Eko - Pelancongan Paya Lebar.



Sesi bergambar bersama Pensyarah UGM dan Pengusaha Taman Lokan.



Pelajar - pelajar bersama En. Zainal mencari Lokan.



Pelajar berkesempatan membakar lokan yang sudah dikutip.

# JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



## Fungsi

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan satu sistem penilaian hartanah bagi maksud kadaran yang adil, berkualiti dan seragam. Orang ramai diberi kesedaran tentang tindakan kerja penilaian harta untuk maksud kadaran Akta 171, disamping memberi kesedaran kepada pemilik-pemilik harta perihal kepentingan nilai pemilikan sesuatu hartanah. Jabatan ini juga mengurus dan mengemaskini harta milik MPAG berkaitan penyewaan, pelupusan dan penjualan bagi semua jenis ruang niaga milik MPAG.

## Cukai Taksiran

Cukai taksiran ialah cukai yang dikenakan terhadapsemua pegangan atau harta tanah di kawasan pentadbiran Majlis.

Kuasa untuk mengenakan cukai taksiran adalah selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 127 yang membolehkan Majlis Perbandaran Alor Gajah mengenakan kadar ke atas pegangan-pegangan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

## JUMLAH PEGANGAN YANG DIKENAKAN CUKAI

| BIL | KEGUNAAN TANAH | JUMLAH PEGANGAN | NILAI TAMBAH | CUKAI SETAHUN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | INDUSTRI | 1101 | 200,6594,538.00 | 8,232,431.47 |
| 2 | KEDIAMAN | 41114 | 4,615,839,416.35 | 8,803,541.70 |
| 3 | LAIN-LAIN | 313 | 149,643,136.00 | 433,289.45 |
| 4 | PERNIAGAAN | 3623 | 1,292,645,783.00 | 4,364,630.53 |
| 5 | PERTANIAN | 160 | 146,907,195.00 | 327,998.00 |
| 6 | PUSAT PENGAJIAN TINGGI | 9 | 277,823,300.00 | 457,738.30 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **46320** | **8,489,453,368.35** | **22,619,629.45** |














Kaunter Luar Kutipan Cukai di Program-Program MPAG

# JABATAN KEJURUTERAAN



## Fungsi

Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab untuk menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan, melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam kawasan pentadbiran MPAG

## PERLAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

| BIL | PROJEK | JUMLAH (RM) | JUMLAH PROJEK |
|---|---|---|---|
| 1 | PROJEK KECIL (BP 1) | 3,145,000.00 | 95 |
| 2 | PPKB | 286,000.00 | 22 |
| 3 | MARRIS | 3,000,000.00 | 36 |
| 4 | MIDA | 60,000.00 | 1 |

## PERMOHONAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN

| BIL | PERMOHONAN | BIL PERMOHONAN | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PELAN JALAN & PARIT | 38 | 36 | 2 |
| 2 | PELAN LAMPU JALAN | 6 | 5 | 1 |
| 3 | PELAN KERJA TANAH | 17 | 16 | 1 |



Kerja-kerja penurapan jalan di taman perumahan




Kerja-kerja baik pulih tandas awam



Kerja-kerja baik pulih longkang



Kerja-kerja hiasan dan pencahayaan di sepanjang jalan

# JABATAN BANGUNAN



## Fungsi

Jabatan Bangunan merupakan jabatan yang bertanggungjawab mengawal segala pembinaan bangunan daripada meluluskan pelan bangunan sehingga kepada pengeluaran Perakuan Kelayakan Menduduki atau proses pengeluaran '*Certificate of Completion and Compliance*' oleh pihak perunding projek. Selain itu, jabatan juga bertanggungjawab dalam mengawal pembinaan struktur tanpa izin, meluluskan permit Bangunan Sementara dan menyediakan pelan-pelan reka bentuk bangunan bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh MPAG.

## Pemantauan terhadap pembinaan bangunan tanpa kelulusan

Kaedah yang dilakukan bagi memantau pembinaan bangunan tanpa kelulusan melalui 3 peringkat :-

**a. Bangunan yang belum dibina**
**b. Bangunan sedang pembinaan**
**c. Bangunan yang telah dibina**

### a. Bangunan yang belum dibina

Jabatan Bangunan telah menjalankan operasi secara berkala bersama Jabatan Penguatkuasa sebanyak 24 kali( 2 kali setiap bulan) bagi tahun 2019 bagi memastikan setiap bangunan yang didirikan mempunyai kelulusan.

Kerja pemantauan ini dipermudahkan lagi apabila Jabatan Bangunan membekalkan **PAPAN TANDA PROJEK** bagi setiap bangunan yang mempunyai kelulusan untuk dipaparkan di tapak projek






**b. Bangunan sedang dalam pembinaan**

Bangunan dalam pembinaan yang tidak mempunyai kelulusan akan diambil tindakan secara berperingkat seperti berikut:

i. Notis Awalan dan memberhentikan kerja secara serta-merta ditapak
ii. Notis kemukakan pelan bangunan dalam tempoh yang ditetapkan
iii. Notis meroboh bangunan
iv. Kompaun kesalahan bangunan
v. Pendakwaan di mahkamah

| BIL PENEMUAN | BIL NOTIS | | | | KOMPAUN KESALAHAN BANGUNAN | PENDAKWAAN DI MAHKAMAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | AWALAN | KEMUKA PELAN | ROBOH | SALAH GUNA BANGUNAN | | |
| 180 | 180 | 171 | 4 | 5 | 41 | |





Gambar pemberhentian kerja di tapak

**c. Bangunan telah dibina**

Mengunapakai **'PLAT BERPUSAT PERMIT SEMENTARA BANGUNAN PERNIAGAAN '** yang perlu dipaparkan dibangunan sebagai tanda bangunan tersebut mempunyai kelulusan pelan bangunan atau yang telah memperbarui kelulusan

| PENEMUAN BANGUNAN | PERBARUI PERMIT | TIDAK PERBARUI PERMIT |
|---|---|---|
| 994 | 774 | 220 |



Gambar plat berpusat permit
Sementara bangunan Perniagaan

## Bangunan melebihi 5 tingkat yang berusia 10 tahun dari tarikh CCC/CFO dikeluarkan notis untuk diperiksa tahap keselamatan

**a. Bangunan yang melebihi 5 tingkat.**

Terdapat 10 blok bangunan melebihi 5 tingkat di dalam kawasan pentadbiran MPAG. Daripada 10 buah, 3 buah telah melebihi tempoh 10 tahun dari tarikh CFO dikeluarkan. Kesemua bangunan tersebut telah memperolehi Sijil Pemeriksaan Visual yang dikemukakan oleh perunding berkecuali.

| BIL. BLOK BANGUNAN | NOTIS KEMUKA SIJIL | KEMUKA SIJIL SELAMAT DIDUDUKI | BANGUNAN TELAH DIROBOHKAN | DALAM TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| 10 | 10 | 5 | 1 | 4 |

Contoh bangunan bertingkat





**b. Bangunan yang kurang 5 tingkat**

Selain daripada bangunan yang melebihi 5 tingkat, pihak MPAG sentiasa membuat pemantauan dengan mengujudkan JK Bangunan Usang yang bertindak memantau dan mengambil tindakan terhadap bangunan lama yang telah usang bagi memastikan bangunan tersebut selamat untuk diduduki.

Bagi tahun 2019 pihak MPAG telah mengenal pasti sebanyak 5 buah bangunan usang dalam Daerah Alor Gajah. Sebanyak satu buah telah berjaya dirobohkan dan 4 buah telah dibaiki.

| BIL. BANGUNAN USANG | BIL. NOTIS BANGUNAN TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | BANGUNAN TELAH DIBAIKI | BANGUNAN TELAH DIROBOHKAN | DALAM TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| 5 | 5 | 4 | 1 | 0 |




Bangunan usang yang sebelum dn selepas dirobohkan

## Permohonan Pelan Bangunan Bagi Tahun 2019

| Bil | Jenis Permohonan Pelan Bangunan | Jumlah Permohonan (2018) | Jumlah Permohonan (2019) |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelan Bangunan Kategori A [Rumah Sebuah] | 85 | 107 |
| 2. | Pelan Bangunan Kategori B [Projek Pembangunan] | 29 | 27 |
| 3. | Pelan Bangunan Kategori C [Kilang / Industri] | 20 | 13 |
| 4. | Pelan Bangunan Kategori D [Tambahan Ubahan bangunan] | 254 | 314 |
| 5. | Permit Sementara Bangunan | 640 | 774 |
| 6. | Sistem Struktur Pemancar | 79 | 121 |

# JABATAN PENGINDAHAN BANDAR



**Fungsi**

Jabatan ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program penghijauan dan pengindahan di samping meningkatkan kualiti alam sekitar serta disokong oleh program penyelenggaraan yang cekap. Pembangunan landskap diperkasakan melalui penyediaan Pelan Induk Landskap bagi merancang dan melaksanakan projek landskap serta pengindahan.

## KERJA-KERJA PENGINDAHAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MPAG

Program Kerjasama Penanaman Pokok Antara MPAG Bersama Universiti Teknologi Mara Sempena Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Perbandaran Alor Gajah Tahun 2019







## PEMBANGUNAN DAN PENGINDAHAN LANDSKAP













## PENGINDAHAN DI SEPANJANG JALAN LEBUH AMJ (PERSIMPANGAN SUNPOWER)







## NURSERI







## KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK -POKOK









# JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN



**Fungsi**

Jabatan ini bertanggungjawab meningkatkan tahap kebersihan untuk menjadikan Alor Gajah sebagai bandar bersih, indah dan sejahtera. Jabatan ini juga menguruskan permohonan lesen & permit seperti lesen perniagaan, lesen kilang serta lesen iklan.

## BAHAGIAN KEBERSIHAN

**1. Pembersihan Kawasan Bandar / Kawasan Komersial**
- Kutipan sisa pepejal pada setiap hari
- Sapuan pada setiap hari
- Pembersihan longkang sebulan sekali
- Pemotongan rumput 2 kali sebulan

**2. Pembersihan Kawasan Taman Perumahan Dan Kawasan Industri**

- 2 kali seminggu kutipan sampah domestik
- 1 kali seminggu kutipan sampah pukal

**3. Pembersihan longkang sebulan sekali**

**4. Pemotongan rumput 2 kali sebulan**




Pelaksanaan kerja-kerja pembersihan

## Unit Kawalan Vektor

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Tangkapan anjing liar/terbiar | 452 |
| 2. | Tangkapan kucing liar/terbiar | 218 |
| 3. | Aktiviti Fogging | 27 |

Aktiviti tangkapan anjing liar





Aktiviti tangkapan kucing terbiar





Aktiviti semburan Fogging





# BAHAGIAN PELESENAN

## Permohonan lesen perniagaan tahun 2019

| BIL | KATEGORI LESEN | TAHUN 2019 | | | | | | | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGO | SEP | OKT | NOV | DIS | |
| 1 | Lesen Pasar | 18 | 32 | 55 | 19 | 14 | 5 | 6 | 7 | 5 | 3 | 1 | 6 | **171** |
| 2 | Lesen Perniagaan | 899 | 564 | 1041 | 469 | 306 | 227 | 252 | 216 | 137 | 302 | 277 | 607 | **5,297** |
| 3 | Lesen Penjaja | 406 | 262 | 414 | 232 | 90 | 82 | 157 | 164 | 124 | 121 | 136 | 151 | **2,339** |
| 4 | Lesen Perindustrian | 68 | 50 | 55 | 23 | 30 | 9 | 12 | 15 | 6 | 18 | 12 | 39 | **337** |
| 5 | Lesen Iklan | 494 | 373 | 605 | 284 | 224 | 126 | 181 | 134 | 102 | 177 | 178 | 344 | **3,222** |
| 6 | Lesen Ternakan | 0 | 3 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 2 | **10** |
| 7 | Lesen Anjing | 21 | 25 | 17 | 7 | 6 | 3 | 9 | 3 | 4 | 3 | 1 | 4 | **103** |
| 8 | Lesen Sementara | 74 | 52 | 58 | 273 | 682 | 59 | 67 | 113 | 64 | 99 | 95 | 83 | **1,719** |
| 9 | Lesen Pelbagai | 8 | 1 | 24 | 7 | 1 | 7 | 2 | 17 | 5 | 0 | 9 | 15 | **96** |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **1,988** | **1,362** | **2,269** | **1,315** | **1,353** | **518** | **686** | **672** | **447** | **723** | **710** | **1,251** | |

## Jumlah premis makanan yang diperiksa dan digredkan

| BIL | Gred Kebersihan | Tahun | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | | 2019 | |
| | | Jumlah | Peratus (%) | Jumlah | Peratus (%) |
| **1.** | **A** | **278 premis** | **58.03%** | **251 premis** | **49.21%** |
| **2.** | **B** | **165 premis** | **34.44%** | **226 premis** | **44.11%** |
| **3.** | **C** | **36 premis** | **7.51%** | **81 premis** | **15.88%** |
| **4.** | **D** | - | - | - | - |











Operasi kesalahan meletakkan barang perniagaan di kaki lima



Operasi Bazar Ramadan

# JABATAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN



## Fungsi

Jabatan Penguatkuasaan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dengan telus, tepat dan tegas meliputi semua aspek dan berpandukan kepada Akta 171, Akta 172, Akta 133, Enakmen, Perintah, Peraturan dan Undang-Undang Kecil yang diguna pakai oleh MPAG di seluruh kawasan pentadbirannya.

### Laporan Operasi Bersepadu Yang Dijalankan

| BIL | OPERASI | KUANTITI |
|---|---|---|
| 1 | OPERASI BERSEPADU | 19 |
| 2 | BANNER / IKLAN | 17 |
| 3 | PENJAJA | 2 |
| 4 | HALANGAN | 2 |





Notis Pemberitahuan Kesalahan (kompaun pelbagai)

**Januari hingga Disember 2019**

| BIL | BULAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | JANUARI | 500 |
| 2 | FEBRUARI | 412 |
| 3 | MAC | 429 |
| 4 | APRIL | 267 |
| 5 | MEI | 269 |
| 6 | JUN | 290 |
| 7 | JULAI | 155 |
| 8 | OGOS | 159 |
| 9 | SEPTEMBER | 100 |
| 10 | OKTOBER | 219 |
| 11 | NOVEMBER | 177 |
| 12 | DISEMBER | 216 |





Notis Pemberitahuan Kesalahan (kompaun parking)

**Januari hingga Disember 2019**

| BIL | BULAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | JANUARI | 2,523 |
| 2 | FEBRUARI | 2,047 |
| 3 | MAC | 2,296 |
| 4 | APRIL | 1,696 |
| 5 | MEI | 1,517 |
| 6 | JUN | 1,654 |
| 7 | JULAI | 2,581 |
| 8 | OGOS | 1,859 |
| 9 | SEPTEMBER | 2,341 |
| 10 | OKTOBER | 2,384 |
| 11 | NOVEMBER | 969 |
| 12 | DISEMBER | 1,105 |






## Bahagian Perundangan

Perjanjian yang diselesaikan pada tahun 2019

| Bil | Jenis Perjanjian | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Tender & Kontrak | 11 |
| 2. | Jual Beli & Lain-Lain | 235 |
| 3. | Penyewaan | 327 |

# JABATAN KHIDMAT MASYARAKAT



## Fungsi

Jabatan ini berperanan sebagai penggerak bagi memastikan kesejahteraan masyarakat di dalam daerah Alor Gajah disamping melaksanakan tanggungjawab sosial yang memberi impak kepada hubungan baik bersama masyarakat. Jabatan ini juga menyelaraskan permohonan bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Penerima Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

| BIL | DUN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | DUN AYER LIMAU | 7 |
| 2 | DUN GADEK | 3 |
| 3 | DUN REMBIA | 1 |
| 4 | DUN TABOH NANING | 1 |

## Aktiviti dan Program Jabatan

- Program Bersama Masyarakat Majlis Perbandaran Alor Gajah 'Alor Gajah Di Hati' Tahun 2019 Peringkat **Dun Ayer Limau.**





- Program Bersama Masyarakat Majlis Perbandaran Alor Gajah 'Alor Gajah Di Hati' Tahun 2019 Peringkat **Dun Machap Jaya.**






- Program Bersama Masyarakat Majlis Perbandaran Alor Gajah 'Alor Gajah Di Hati' Tahun 2019 Peringkat **Dun Durian Tunggal.**






- Program Bersama Masyarakat Majlis Perbandaran Alor Gajah 'Alor Gajah Di Hati' Tahun 2019 Peringkat **Dun Kuala Linggi.**






- Program Bersama Masyarakat Majlis Perbandaran Alor Gajah 'Alor Gajah Di Hati' Tahun 2019 Peringkat **Dun Taboh Naning.**






- Larian Melaka Ultra (MATRA) 2019 di Dataran Tanjung Bidara





- Program Go To School





- Program Senamrobik Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Melaka Sempena Hari Wanita Antarabangsa





- Larian Stem Fun Run 2019 di Dataran Keris, Alor Gajah





- Program Memasak dan Mengedar Bubur Lambuk Bersama A' Famosa 2019 di Dataran Keris, Alor Gajah






- Pertandingan Bot Berhias Peringkat Negeri Melaka di Taman Rempah, Melaka





- Program Santai Malam Minggu di Dataran Keris, Alor Gajah





# UNIT PERANCANGAN KORPORAT



## Fungsi

Unit ini dipertanggungjawabkan bagi mengurus dan meningkatkan imej MPAG ke arah lebih cemerlang dengan mewujudkan hubungan baik antara MPAG dengan "*stakeholder*" dan pelanggan atau komuniti di dalam daerah Alor Gajah. Unit ini juga merupakan barisan hadapan MPAG melalui penyampaian perkhidmatan pelanggan dan menguruskan aduan awam yang diterima daripada pelbagai saluran.

## Laporan Tahap Kepuasan Pelanggan

**Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Keseluruhan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tahun 2019**



## Mesyuarat Penuh Ahli Majlis





Program Lawatan YAB Ketua Menteri Melaka di Pasar Pulau Sebang





Program Lawatan YDP ke Air Panas Cherana Putih

## Program Yang Telah Dilaksanakan

MPAG turut menjadi pendokong kepada pelaksanaan program-program kerajaan negeri serta program di peringkat daerah dan taman.Penganjuran dilaksanakan bersama-sama masyarakat, agensi kerajaan, swasta, NGO, belia, peniaga dan golongan yang berkepentingan.

| Bil. | Tarikh | Perkara |
|---|---|---|
| 1. | 8 Mac 2019 | Program Bowling MPAG Bersama Media |
| 2. | 6 & 7 April 2019 | Pertandingan Bola Sepak Sempena Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16 Tahun 2019 |
| 3. | 13 & 14 April 2019 | Program Persembahan Pentarama Dan Tayangan Layar Bestari |
| 4. | 18 APRIL 2019 | Majlis Bacaan Yasin & Tahlil Sempena Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16 Tahun 2019 |
| 5. | 26 April 2019 | Majlis Ceramah Perdana Sempena Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16 Tahun 2019 |
| 6. | 27 April 2019 | Majlis Perasmian Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke 16 Tahun 2019 |
| 8. | 20 Ogos 2019 | Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Tahun 2019 |
| 9. | 26 Oktober 2019 | Program Berbasikal Fire X Ride Epic Journey 2019 |



Pameran dan Kaunter MPAG



Program MPAG Bersama Media Negeri Melaka



Program Pertandingan Bola Sepak Kanak-Kanak sempena Sambutan SHP ke-16



Program Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak sempena Sambutan SHP ke-16



Majlis Perasmian Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16



Program Berbasikal Fire X Ride Epic Journey 2019



Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang



Majlis Ceramah Perdana Sempena Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16



Majlis Bacaan Yasin & Tahlil Sempena Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16






Program Persembahan Pentarama Dan Tayangan Layar Bestari Sempena Sambutan Hari Perbandaran Alor Gajah Ke-16

# UNIT INTEGRITI



## Fungsi

Fungsi utama Unit Integriti adalah untuk menguruskan hal-hal berkaitan Integriti dalam organisasi dengan bertanggungjawab melaksanakan enam (6) fungsi teras yang digariskan di dalam Pekeliling.

Taklimat Pembangunan & Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Di Bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)





Taklimat Bagi Pelaksanaan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016





Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)





# UNIT AUDIT DALAM



## Fungsi

Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dengan melaksanakan pengauditan kewangan, pengauditan pengurusan dan pengauditan khas. Menjalankan pengauditan susulan untuk memastikan segala teguran atau syor-syor semasa audit telah diambil tindakan oleh pihak jabatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang bersidang 4 kali setahun.

| Bilangan | Tarikh Mesyuarat |
|---|---|
| 1/2019 | 02 April 2019 |
| 2/2019 | 10 Julai 2019 |
| 3/2019 | 04 Oktober 2019 |
| 4/2019 | 26 Disember 2019 |



Audit di Taman Rekreasi Durian Daun



Audit mengejut di Jabatan Kewangan dan di Nurseri Jabatan Pengindahan Bandar

# UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



**Fungsi**

Unit ini bertanggungjawab memproses permohonan pelan pemajuan secara serentak dan berasingan, mengedar permohonancadangan pemajuan kepada Jabatan Teknikal Dalaman dan Agensi Tenikal Luaran.

Bilangan permohonan selesai dalam tempoh piagam.

| Bil. | Jenis Permohonan | Bil Permohonan | Permohonan Selesai |
|---|---|---|---|
| 1. | Permohonan Serentak | 25 | 25 |
| 2. | Kebenaran Merancang | 29 | 29 |
| 3. | Pelan Kejuruteraan | 58 | 58 |
| 4. | Pelan Bangunan | 96 | 96 |
| 5. | Pelan Landskap | 20 | 20 |
| | **Jumlah** | **228** | **228** |

Dalam tahun 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat telah bersidang sebanyak 26 kali berdasarkan kekerapan setiap 14 hari iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu 2 kali sebulan (24 kali setahun).



# UNIT KUTIPAN TUNGGAKAN



Laporan Tindakan Yang Telah Dilaksanakan Mulai 1 Januari 2019 - 31 Disember 2019

| BIL | JENIS LAPORAN | JUMLAH BIL / NOTIS /WARAN | KAEDAH |
|---|---|---|---|
| 1 | **CETAKAN BIL CUKAI TAKSIRAN TEMPOH PERTAMA 2019** | 40,149 | Pos (Data Pos) |
| 2 | **CETAKAN NOTIS BORANG E TEMPOH PERTAMA 2019** | 11,835 | Pos (Data Pos) |
| | | 6,252 | Serahan Tangan |
| 3 | **CETAKAN BIL CUKAI TAKSIRAN TEMPOH KEDUA 2019** | 39,186 | Pos (Data Pos) |
| 4 | **CETAKAN NOTIS BORANG E TEMPOH KEDUA 2019** | 6,452 | |
| 5 | **SURAT PERINGATAN TUNTUTAN 2019** | 1300 | Pos berdaftar / Serahan Tangan |
| 6 | **BAYARAN ANSURAN 2019** | 490 | Pembayaran secara bulanan |
| 7 | **PENGELUARAN WARAN & SITA TAHUN 2019** | 730 | Serahan Tangan |

## Laporan Perbandingan Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Berakhir 31 Disember 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| **JUMLAH TUNGGAKAN** | **7,271,595.77** | **6,855,674.49** |
| **JUMLAH KUTIPAN** | **2,115,971.72** | **1,623,256.75** |
| **BAKI TUNGGAKAN** | **5,155,624.05** | **5,232,417.74** |











Penyampaian waran dan operasi sita

# Aktiviti Sepanjang Tahun 2019





- Anugerah Hijau Negeri Melaka
- Sambutan Hari Perbandaran MPAG
- Program Back to School







- Pertandingan Futsal Kanak-Kanak
- Pertandingan Kayak Sprint Sungai Melaka
- Program Ikrar Bebas Rasuah Bersama SPRM







- Lawatan YAB Ketua Menteri Melaka ke DUN Kuala linggi
- Program Team Building MPAG



# Keratan Akhbar

JUMAAT, 11 OKTOBER 2019

SAMBUTAN HARI JADI YANG KE-81
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

## MPAG, MPJ bantu majukan Melaka

### Hasil perancangan sistematik, pergiatkan pembangunan infrastruktur



Zamzuri Arifin

**Alor Gajah:** Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) adalah dua organisasi penting dalam membantu kerajaan negeri melaksanakan pembangunan ekonomi, politik dan sosial bagi menyediakan kehidupan selesa serta berkualiti tinggi untuk rakyat di negeri ini.

Hasil perancangan sistematik MPAG, pembangunan infrastruktur yang dipergiatkan bersama membawa Alor Gajah muncul antara daerah yang maju di Melaka selain Melaka Tengah dan Jasin.

[illegible]




## Kayak Sprint & Slalom uji stamina 69 peserta

LUNA SAHARUDIN



ANTARA peserta yang bertanding dalam acara sprint.

BANDA HILIR - Pertandingan Kayak Sprint dan Slalom menarik 69 penyertaan peserta dari Johor, Kuala Lumpur, Sabah, Selangor, Terengganu dan Melaka di Dataran Sungai Melaka, baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Zamzuri Arifin berkata, acara itu melibatkan perlumbaan sejauh 200 meter sekali gus menguji stamina para peserta.

"Ia terbahagi kepada tiga kategori iaitu terbuka (double) lelaki wanita, mereka 18 tahun dan ke bawah (double) lelaki wanita dan kategori terbuka Kanu Slalom (single) lelaki wanita.

"Pertandingan kali ini tidak disertai pasukan antarabangsa kerana bertembung dengan sukan SEA yang sedang berlangsung di Manila," katanya.

Katanya, penganjuran kali keempat itu membawa hadiah lumayan bagi pemenang tempat pertama hingga keempat.

"Bagi kategori terbuka (double) lelaki wanita menerima wang tunai RM1,000 hingga RM100 beserta medal dan sijil.

"Dibawah kategori 18 tahun dan ke bawah (double) lelaki wanita menerima wang tunai RM500 hingga RM100 beserta medal dan sijil, kategori terbuka Kanu Slalom (single) lelaki wanita menerima wang tunai RM150 hingga RM50 beserta medal dan sijil," katanya.



ZAMZURI merasmikan pelepasan Pertandingan Kayak Sprint dan Slalom sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2019 yang diadakan di Dataran Sungai Melaka, baru-baru ini.

## 逾600參賽者響應挑戰

### 亞羅牙也市會越野腳車賽

[illegible]



[illegible]

## Sambutan ulang tahun kemerdekaan semakin dirasai

FAIZ HASAN

ALOR GAJAH - Sambutan ulang tahun hari kemerdekaan negara semakin dirasai apabila semakin banyak Jalur Gemilang dipasang di seluruh Melaka.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Tey Kok Kiew berkata, beliau yakin akan lebih banyak Jalur Gemilang dipasang di seluruh negeri ini menjelang hari bersejarah itu.

Katanya, melalui peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) telah memasang sebanyak 3,000 bendera di seluruh daerah pentadbirannya itu.

"Manakala di peringkat Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) juga kita telah memasang sebanyak 7,000 Jalur Gemilang malah ini juga tidak termasuk dengan beberapa PBT lain dan pelbagai agensi kerajaan dan inisiatif penduduk sendiri bagi memasang Jalur Gemilang di kawasan kediaman masing-masing.

"Kita harap sokongan berterusan daripada semua pihak terhadap sambutan Hari Kebangsaan ini berterusan demi menyemai semangat cintakan negara yang selama ini kita telah hidup dengan keharmonian dan perpaduan berdasarkan prinsip muhibah.

"Malah, kita mengharap agar pemasangan Jalur Gemilang meliputi semua kawasan termasuk ruangan pejabat, kawasan kediaman, premis kedai dan pelbagai lagi akan lebih menggalakkan dalam menyambut hari penuh bersejarah ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui MelakaKini selepas merasmikan Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Kempen Jalur Gemilang MPAG 2019 di Dataran Keris, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang Dipertua MPAG, Zamzuri Arifin.

Program yang berlangsung seawal jam 7.45 pagi itu, pelbagai acara diadakan termasuk persembahan pancaragam dan pemasangan Jalur Gemilang pada kenderaan.

Lebih menarik, Kok Kiew turut merasmikan sebuah pembinaan replika Jalur Gemilang bersaiz 1.2 meter x 2.1 meter dibina menggunakan 15,705 paku tekan yang disiapkan dalam tujuh hari.



KOK Kiew memasang bendera pada kenderaan yang terlibat pada program itu.



ANTARA tetamu undangan bergambar bersama selepas gimik pelancaran program tersebut.

Diterbitkan Oleh:
**UNIT PERANCANGAN KORPORAT**
*MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH,*
Jalan Dato'Dol Said,
78000 Alor Gajah, Melaka
**T** : +606 333 3333
**F** : +606 556 4909
**E** : mpag@mpag.gov.my
www.mpag.gov.my

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Alor Gajah. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Alor Gajah.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:
UNIT PERANCANGAN KORPORAT
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Jalan Dato'Dol Said,
78000 Alor Gajah, Melaka

MPAG MPAG_OFFICIAL www.mpag.gov.my

**Hak Cipta Terpelihara@2019**